

Realisasi Impianmu Bersama Shell (Bahasa Malaysia)

1. Apakah inisiatif ' Realisasi Impianmu Bersama Shell'?
 - a. Dari 18 Ogos hingga 11 September 2020, Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) boleh menyertai inisiatif ini dan mampu memenangi peluang untuk berkerjasama dengan Shell.
2. Apakah kelayakan yang diperlukan untuk menyertai inisiatif ini?
 - a. Terbuka kepada rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai lesen Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) di Malaysia.
3. Apakah larangan yang lain tentang siapa yang boleh menyertai inisiatif ini?
 - a. Peserta yang bekerja dengan Shell dan keluarga terdekat tidak dibenarkan untuk menyertai. Ini termasuk penyedia perkhidmatan, pedagang serta pengedar Shell dan keluarga terdekat mereka.
4. Apakah tempoh inisiatif ini akan berlangsung?
 - a. Inisiatif ini akan berlangsung dari 18 Ogos hingga 11 September 2020.
5. Apakah yang perlu saya hantarkan untuk menyertai inisiatif ini?
 - a. Untuk menyertai, butiran maklumat penting dalam talian ke <http://www.shell.com.my/malaysiandream>.
6. Apakah yang perlu saya hantarkan untuk menyertai inisiatif ini?
 - a. Selain daripada maklumat penting, anda perlu menghantar cerita bertulis tentang diri sendiri, perniagaan anda dan produk yang dijual.
7. Saya ingin menghantar video diri sendiri dan bukan cerita bertulis, bolehkah saya membuat begitu?
 - a. Tidak, anda mesti menulis tentang diri anda, Syarikat dan produk. Video adalah pilihan, di mana anda boleh menjual produk anda secara kreatif kepada Hakim Panel Shell. Sila pastikan bahawa 15 saat video tidak melebihi 5MB.
8. Bolehkah saya menghantar cerita saya lebih daripada sekali?
 - a. Hanya satu penghantaran bagi setiap Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS), jika anda menghantar lebih daripada sekali, hanya penyerahan pertama akan diambil kira.
9. Apakah yang saya akan menang jika saya menyertai inisiatif ini?
 - a. 3 pemenang akan memenangi kontrak label persendirian dengan Shell Trading Malaysia. 27 pemenang akan memenangi peluang penyenaiaan produk di Shell SELECT yang mungkin terdiri daripada peluang Penyenaiaan Kebangsaan, serantau atau khusus seperti yang ditentukan oleh Shell.
10. Siapakah yang akan memilih pemenang?
 - a. Pemenang kedudukan 21 - 30 akan dipilih berdasarkan penilaian dalaman. Pemenang kedudukan 1 - 20 pula akan dipilih oleh panel hakim panel yang terdiri daripada pihak dalaman Shell dan pihak ketiga luaran bebas. Pengundian awam juga akan dibuka di laman sesawang Shell dan ini akan menyumbang sebanyak 5% kepada keputusan akhir. Pemenang akan disiarkan di laman sesawang Shell di <http://www.shell.com.my/malaysiandream> dan laman Facebook Shell.
11. Bilakah saya boleh melihat senarai nama pemenang?
 - a. Pemenang kedudukan 21 - 30 akan disiarkan menjelang 16 September 2020 dan pemenang kedudukan 1 - 20 akan disiarkan menjelang 12 Oktober 2020.
12. Bagaimana boleh saya tahu jika saya menang?
 - a. Pihak lantikan agensi media Shell akan menghubungi anda melalui nombor telefon atau emel yang diberikan dalam pendaftaran.

13. Jika saya disenarai pendek, bolehkah saya menghantar produk lain untuk dipertimbangkan oleh Shell?
 - a. Tidak, hanya produk yang disertakan dengan borang pendaftaran sahaja akan dipertimbangkan.
14. Di manakah boleh saya melihat senarai nama pemenang?
 - a. Anda boleh melihat senarai pemenang di <http://www.shell.com.my/malaysiandream>.
15. Saya rasa saya sudah menang tetapi saya terlepas panggilan daripada Shell, apakah yang akan berlaku?
 - a. Jika anda terlepas panggilan daripada Shell, 2 (dua) lagi percubaan akan dibuat selama 2 (dua) hari seterusnya. Jika percubaan yang seterusnya turut gagal, Shell berhak untuk memilih pemenang yang lain.
16. Bolehkah saya menghantar lebih dari satu produk dalam inisiatif ini?
 - a. Ya, anda boleh menghantar sebanyak 5 produk bagi setiap pendaftaran.
17. Jika saya menghantar lebih dari satu produk, adakah semua produk saya akan disenaraikan jika saya menang?
 - a. Tidak, Shell memegang hak untuk memilih produk yang akan disenaraikan.
18. Walaupun had penghantaran adalah 5 produk, bolehkah saya daftar lebih lagi jika saya ada lebih daripada 5 produk?
 - a. Tidak, anda harus memilih 5 produk yang dikehendaki sahaja.
19. Apakah kategori yang layak untuk menyertai inisiatif ini?
 - a. Kategori produk untuk penyertaan adalah makanan ringan, konfeksioneri, minuman tidak beralkohol dan makanan sedia dimakan.